

17/08/2002

5,000 generasi kedua Felda sertai simposium

KUALA LUMPUR, Jumaat - Simposium Generasi Kedua Felda yang akan diadakan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Jumaat ni bakal menarik penyertaan daripada lebih 5,000 generasi kedua Felda di seluruh negara.

Setiausaha Kehormat, Gabungan Wawasan Generasi Felda (GWGF), Abdullah Abu Bakar, berkata sebanyak 2,432 kad jemputan diedarkan dan sehingga kini seramai 2,243 sudah menyatakan persetujuan untuk menghadiri simposium berkenaan.

Namun, katanya, jumlah itu tidak termasuk persetujuan generasi kedua Felda yang bekerja sebagai askar, pelajar di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta, Asrama Semai Bakti Felda sekitar ibu kota dan pelajar daripada Pusat Latihan Belia Felda di Trolak, Perak.

"Kebanyakannya sudah menyatakan persetujuan untuk menyertai simposium ini termasuk 500 generasi kedua yang kini berkhidmat sebagai tentera dan bertugas di sekitar ibu kota.

"Kita juga berusaha mendapatkan kebenaran pihak berkenaan untuk membawa generasi kedua yang sedang menjalani latihan di Pusat Latihan Belia di Trolak, Perak menyertai Simposium ini," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Abdullah berkata, sebanyak 72 bas akan disediakan untuk membawa generasi kedua dari 304 tanah rancangan di seluruh negara pada 22 Ogos ini. Setiap tanah rancangan akan menghantar sekurang-kurangnya lapan peserta menghadiri simposium itu.

"Di Pantai Timur saja, kami menyediakan 24 bas termasuk lima bas di Terengganu dan 19 bas di Pahang. Semua peserta akan menginap di beberapa hotel di sekitar Kuala Lumpur," katanya.

Simposium sehari yang akan disiarkan secara langsung oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM) itu bakal dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, simposium yang menelan belanja hampir RM1.5 juta hasil sumbangan generasi kedua yang berjaya, akan mengupas pelbagai persoalan mengenai masa depan generasi pewaris dari segi pendidikan, ekonomi, sosial serta kebajikan.

Katanya, peserta akan diberi ruang seluas-luasnya untuk meluahkan pandangan serta pendapat masing-masing untuk sama-sama mencari penyelesaian berhubung pelbagai permasalahan yang timbul di tanah rancangan masing-masing.